

19 MAY 2002

MIC-Merit/I

MASYARAKAT INDIA BELUM BERSEDIA BAGI SISTEM MERIT - SAMY VELLU

SHAH ALAM, 19 Mei (Bernama) -- Kongres India Malaysia (MIC) walaupun menyedari hakikat bahawa kemasukan ke universiti awam patut dibuat berdasarkan merit namun berpendapat masanya belum sesuai bagi sistem itu dilaksanakan.

Presiden parti Datuk Seri S.Samy Vellu berkata ini adalah kerana pelajar India dengan latar belakang sosio ekonomi yang lemah memerlukan lebih banyak masa untuk memyediakan diri mereka untuk berdepan dengan cabaran itu.

Katanya parti itu terkejut kemerosotan ketara dalam pengambilan pelajar India ke universiti awam bagi tahun akademik 2002/2003 yang menurun daripada 8 peratus kepada 4.7 peratus.

"Sejumlah 3,961 pelajar dengan kelayakan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia memohon untuk memasuki universiti awam, daripada jumlah itu 2,537 layak diterima masuk. Malangnya hanya 1,530 pelajar diberikan tempat," katanya.

Samy berucap pada Perhimpunan Agung Tahunan MIC yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Samy Vellu berkata penurunan ketara itu telah meletakkan masyarakat India dalam dilema dengan ibu bapa merasakan bahawa anak-anak mereka mempunyai masa depan yang kelam terutama dalam memperoleh tempat di universiti awam.

"Tuan, apabila perkara itu diberikan publisiti, beribu pertanyaan diterima daripada masyarakat India. Jawapan saya kepada mereka ialah -tunggu dulu- perkara ini akan diserahkan kepada Perdana Menteri untuk diselesaikan," katanya.

Bercakap mengenai sekolah-sekolah Tamil di negara ini, Samy Vellu berterima kasih kepada kerajaan bagi peruntukan RM13.9 juta tahun lepas dengan 13 sekolah dibina semula.

Bagaimanapun, katanya masih terdapat sejumlah besar sekolah yang perlu dibina semula bagi menyediakan infrastruktur lebih baik dan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan dengan itu peruntukan tahunan diperlukan bagi membina semula sekolah-sekolah Tamil di seluruh negara.

Mengenai pekerja ladang, Presiden MIC itu berkata dua tahun telah berlalu sejak isu gaji bulanan bagi pekerja ladang dibangkitkan dan sehingga hari ini isu itu masih belum selesai.

"Beberapa perjumpaan antara Persatuan Pengeluar Pertanian Malaysia dan Kesatuan Sekerja Pekerja-pekerja Ladang telah gagal membuat keputusan mengenai gaji asas bulanan bagi penoreh getah. Kami memohon kerajaan campur tangan bagi membolehkan masalah ini diselesaikan segera," katanya.

Beliau berkata dengan penutupan ladang getah, kaum India telah berpindah ke kawasan bandar dan mereka tidak mempunyai pilihan selain menerima gaji rendah dan hidup di kawasan penempatan setinggian yang tidak sihat serta dipenuhi pelbagai jenayah, keganasan dan gejala sosial.

Samy Vellu merayu kepada kerajaan agar memberi perhatian kepada masalah golongan miskin di bandar sebelum keadaan itu bertambah teruk.

"Kini perlu bagi satu unit khas diwujudkan di Jabatan Perdana Menteri untuk mengkaji isu-isu yang dihadapi oleh golongan miskin dan keluarga berpendapatan rendah di bandar," katanya.

Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya berkata Rangka Rancangan Jangka Panjang dan Rancangan Malaysia Kelapan telah menetapkan sasaran baru untuk meningkatkan pemilikan korporat kaum India sebanyak 1.5 peratus lagi

berbanding 1.5 peratus kini dalam tempoh 10 tahun akan datang.

"Ahli perniagaan India mempunyai pengetahuan dan kepakaran, tetapi kadar kredit mereka yang rendah dan dasar pinjaman ketat oleh bank dan institusi kewangan telah menyukarkan mereka mendapatkan pinjaman," katanya.

Samy Vellu juga berkata terdapat beberapa skim kerajaan untuk membantu usahawan baru dan industri kecil.

"Saya merayu kepada anda, Yang Amat Berhormat, untuk menimbangkan menubuhkan dana khas di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan untuk membantu mewujudkan masyarakat niaga dan komersil India Malaysia," katanya.

-- BERNAMA

SR SR RHM